Dokumen dan prosedur strategik bagi kawalan dalaman ini telah dibangunkan sebagai panduan kepada para pekerja dan juga mekanisme pencegahan untuk memerangi dan menangani semua bentuk sogokan, rasuah dan penipuan di dalam operasi harian.

Selain itu, rakan-rakan niaga dan sekutu-sekutu RHB juga diharap dapat menghormati pendirian Toleransi Sifar Kumpulan terhadap sogokan dan rasuah. Dalam menjalankan perniagaan atau mewakili RHB, semua rakan niaga dan sekutu adalah diharapkan tidak mengambil bahagian atau terlibat sama dalam apa jua perbuatan sogokan atau amalan rasuah.

Mesej Khas daripada Pengerusi



Saya dengan sukacitanya membentangkan **Buku Panduan Anti-Bribery & Corruption ("ABC")** Kumpulan Perbankan RHB sebagai rujukan semua warga kerja RHB, rakan niaga dan pihak berkepentingan RHB dalam menolak budaya rasuah dan sogokan, permintaan yang tidak wajar serta amalan rasuah lain yang mungkin timbul sepanjang melakukan urusan perniagaan.

Penerbitan Buku Panduan ABC ini akan memperkukuhkan lagi komitmen berterusan Lembaga Pengarah terhadap memerangi dan akhirnya membanteras gejala rasuah di dalam Kumpulan. Ini merangkumi semua perbuatan sogokan, rasuah, permintaan tidak wajar dan penipuan. Lembaga Pengarah sedar bahawa risiko rasuah adalah berbeza daripada jenis risiko yang lain kerana ianya melibatkan dimensi insaniah/ akhlak yang boleh mengundang risiko reputasi dan liabiliti korporat untuk Kumpulan.

Dengan perkara itu dalam fikiran, Kumpulan Perbankan RHB telah mewujudkan pelbagai Rangka Kerja, Polisi, Garis Panduan dan Prosedur untuk menggalakkan tadbir urus yang baik serta memacu usaha-usaha anti-sogokan dan rasuah. Kumpulan juga telah memperkenalkan amalan-amalan terbaik bagi memperkukuhkan kawalan dalaman untuk menyokong usaha-usaha memerangi persekitaran perniagaan yang tidak beretika dan tidak sihat.

Saya menyeru agar semua warga RHB, melangkaui semua peringkat, entiti dan rantau, mengamalkan nilai-nilai teras kita dan bekerjasama secara rapat dengan rakan-rakan niaga kita bagi memastikan amalan perniagaan kekal beretika dan mampan. Marilah kita semua menjalankan tugas dan tanggungjawab kita pada tahap integriti yang tertinggi, sambil mempraktikkan amalan-amalan yang bertanggungjawab dan akhirnya, ke arah organisasi bebas rasuah.

Semoga buku ini dapat memberi panduan kepada semua warga RHB, rakan-rakan niaga dan pihak berkaitan kerana kita semua mempunyai tugas penting dalam memerangi sogokan dan rasuah. Kita mestilah, secara kolektif sebagai satu Kumpulan, menerima pakai pendirian toleransi sifar terhadap aktiviti atau amalan perniagaan yang mempunyai elemen penipuan atau rasuah.

Salam Hormat,
Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
Pengerusi, Kumpulan Perbankan RHB

Mesej daripada Pengarah Urusan Kumpulan



Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang utama, Kumpulan Perbankan RHB menegakkan **Integriti** sebagai salah satu nilai teras yang perlu dimiliki oleh semua warga kerja RHB pada setiap masa – seperti lencana kehormat bagi memastikan kita melakukan perkara yang betul, pada setiap masa dalam kehidupan seharian kita. Integriti di tempat kerja bermaksud memegang satu set nilai-nilai beretika seperti sifat bertanggungjawab, jujur, setia dan kebolehpercayaan. Secara ringkas, integriti adalah **melakukan perkara yang betul**

pada setiap masa, walaupun tiada sesiapa yang melihatnya.

Buku Panduan Anti-Sogokan & Rasuah (“ABC”) menggariskan pendirian toleransi sifar Kumpulan terhadap sogokan dan rasuah, dan merangkumi kesemua kod, dasar dan garis panduan utama yang menyerlahkan komitmen RHB secara kolektif serta meletakkan integriti pada tahap tertinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab harian kita.

Buku ini bertujuan untuk memberi panduan yang diperlukan kepada warga kerja RHB, rakan-rakan niaga dan pihak berkaitan dalam melaksanakan tatalaku yang beretika, profesional dan sah dari segi undang-undang, termasuk mencegah sogokan dan rasuah dari berakar umbi dalam organisasi kita. Saya menggesa semua warga kerja RHB dan rakan-rakan niaga RHB untuk membaca dan memahami kandungan buku ini dan seterusnya, melaksanakan amalan perniagaan dan budaya kerja yang beretika.

Marilah kita menggalakkan semua rakan niaga dan sekutu, termasuklah pelanggan kita untuk sama-sama menegakkan integriti semasa berurusan dengan kita. Usaha kolektif ini adalah kunci untuk memastikan kejayaan inisiatif ini ke arah RHB dan industri bebas rasuah.

Yang Ikhlas,

Encik Mohd Rashid Mohamad

Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Kumpulan Perbankan RHB

Nilai-Nilai Teras Bersama Kami

Kakitangan-Kakitangan Kumpulan Perbankan RHB adalah dipandu dengan nilai-nilai teras bersama, iaitu **P.R.I.D.E.** Komitmen ini diterjemahkan kepada amalan beretika yang dipacu oleh kebencian atau penolakan kepada mana-mana amalan perniagaan atau aktiviti yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan perbuatan penipuan atau amalan rasuah sama ada di tempat kerja atau di luar organisasi.



Definisi dan Bentuk-Bentuk Rasuah

Apa itu **Rasuah**?

“Ia adalah salah guna kuasa bagi manfaat diri sendiri. Ia boleh dikelaskan kepada besar, kecil ataupun berpengaruh politik, bergantung kepada jumlah wang yang hilang dan sektor ianya berlaku.” - Transparency International

Bentuk-bentuk rasuah termasuklah *sogokan*, *imbuhan*, *bayaran kemudahan*, *konflik berkepentingan*, *derma kebajikan*, *penajaan*, *sumbangan politik*, *naungan*, *kronisme*, *nepotisme*, *hiburan/layanan*, *penipuan bidaan*, *diskaun*, *komisyen*, ‘*rent seeking*’, *tuntutan palsu* dan *salah guna kuasa*.

Kesalahan-kesalahan jenayah utama di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“SPRM”) termasuk:

- i. Mengambil/menerima/meminta suapan [Seksyen 16(a) dan Seksyen 17(a)]
- ii. Menawar/memberi suapan [Seksyen 16(b) dan Seksyen 17(b)]
- iii. Membuat tuntutan palsu [Seksyen 18]
- iv. Menyalahgunakan kedudukan pejabat awam [Seksyen 23]
- v. Syarikat menggunakan suapan bagi memenangi atau mengekalkan perniagaan, atau memperoleh kelebihan di dalam perniagaan [Seksyen 17A(1)]

Amalan rasuah kebiasaannya melibatkan perbuatan menerima, mendapatkan, memperoleh, menawarkan, menjanjikan atau memberi, secara langsung atau tidak langsung, sesuatu yang mempunyai nilai (‘suapan’) untuk mempengaruhi tindakan pihak lain secara tidak wajar, dengan menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka.

Apa itu **Suapan**?

Di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009, ia ditakrifkan sebagai apa-apa yang bernilai yang dapat ditawarkan, diberi, diminta atau diterima secara rasuah bagi mempengaruhi tindakan seseorang yang mempunyai kedudukan dan kuasa di dalam sesebuah organisasi secara tidak wajar.

'Suapan' termasuk meliputi perkara-perkara di bawah:



Apa itu Bayaran Kemudahan?

Ia adalah mana-mana pembayaran yang dibuat sebagai sogokan untuk memastikan atau mempercepatkan urusan rutin atau tindakan yang diperlukan di mana pembayar bayaran kemudahan tersebut mempunyai hak atau kelayakan dari segi undang-undang atau lain-lain. Bayaran kemudahan juga kerap dikenali sebagai 'duit kopi' atau 'duit di bawah meja'.


SPRM telah menjelaskan secara terperinci bahawa perbuatan **MEMINTA, MEMBERI, MENGAMBIL** atau **MENERIMA suapan (termasuk bayaran kemudahan)**, secara langsung atau tidak langsung, kepada/daripada seseorang individu yang mempunyai kuasa sama ada dalam bentuk wang, perkhidmatan atau barang-barang berharga sebagai suatu dorongan atau ganjaran untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tidak, berkaitan dengan urusan pokok individu berkenaan, sebagai suatu usaha perbuatan rasuah.

Anti-Sogokan & Rasuah

Dalam menggalakkan amalan perniagaan yang beretika, Kumpulan Perbankan RHB komited untuk merangka dan menerbitkan polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang sesuai bagi menyokong operasi perniagaannya dan membantu para pekerja, rakan niaga dan sekutunya dalam memahami tanggungjawab mereka untuk menegakkan integriti korporat dan melindungi jenama dan reputasi Kumpulan.

Kumpulan ini dan wakil-wakilnya termasuk sekutu-sekutunya, tidak akan sama sekali menawar, memberi, mengizinkan atau menerima apa-apa suapan, termasuk sogokan semasa mewakili Kumpulan Perbankan RHB.

Dasar Kumpulan terhadap anti-sogokan dan rasuah menggariskan prinsip-prinsip utama seperti berikut:



LAKUKANLAH

KATAKAN TIDAK kepada perbuatan sogokan dan rasuah. Ia termasuklah menawar atau menerima 'duit kopi', 'wang pelincir' (bayaran kemudahan), ganjaran, bayaran tidak wajar, wain mahal, hadiah mahal, hiburan lucah, baucer tunai dan sebagainya.

JANGAN LAKUKAN

JANGAN MEMINTA ejen, orang tengah/perantara, rakan-rakan niaga dan sekutu-sekutu kita yang lain untuk melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan sogokan atau amalan rasuah bagi memperolehi apa-apa perniagaan atau kelebihan bagi manfaat Kumpulan Perbankan RHB.

Bagaimana 'Sogokan' lazimnya disamarkan sebagai?

<ul style="list-style-type: none"> • Hadiah dan Layanan • Tunai, Aset dan Baucer Tunai • Komisyen atau 'Ufti' • Fi Perunding • Perbelanjaan Jualan dan Pemasaran • Perbelanjaan Perjalanan dan Hiburan • Rebat atau Diskaun • Bayaran Kemudahan / 'Duit Kopi' / 'Duit Pelicin' 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain • Pengeluaran Wang Panjar/Runcit • Barangan atau Perkhidmatan Percuma • Transaksi Antara Syarikat Dalam • Baucer Bayaran Rekaan • Inbois Palsu, 'Chit' dan sebagainya • Hapus kira aset syarikat • Servis selepas Jualan • 'Ang Pow' di luar waktu perayaan
--	--

LAKUKANLAH

FAHAMI & PATUHI Kod-kod Etika Kumpulan, dasar dan garis panduan berkaitan integriti, hadiah & layanan dan anti-sogokan & rasuah.

BERI TAKLIMAT kepada rakan-rakan niaga kita (pelanggan, pembekal dll.) dan ejen/orang tengah mereka secara jelas mengenai pendirian toleransi sifar RHB terhadap sogokan dan rasuah, termasuk kesan daripada penglibatan mereka di dalam perbuatan jenayah berkenaan. Kumpulan RHB tidak bertoleransi terhadap apa-apa perbuatan sogokan atau amalan rasuah dan membenci melakukan jenayah berkenaan.

BERJAGA-JAGA daripada membuat pembayaran atau komisyen ke dalam akaun bank pesisir luar atau kepada sesiapa selain daripada penerima yang benar dan sah di sisi undang-undang.

LAKUKAN USAHA WAJAR ke atas setiap rakan-rakan niaga yang baru atau sedia ada dan juga orang tengah/ejen mereka, khususnya, mereka yang telah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi dalam hubungan perniagaan.

JANGAN LAKUKAN

JANGAN BERJANJI, MENAWAR, MEMBERI atau MELULUSKAN

apa-apa yang mempunyai nilai signifikan atau kelebihan untuk faedah sendiri atau membawa kepada apa-apa interpretasi atau syak pemberian sogokan bagi kepentingan syarikat atau manfaat sendiri.

JANGAN MENAWARKAN apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan, pengawal selia atau pegawai penguatkuasaan undang-undang dengan niat untuk mendapatkan sesuatu kelebihan yang tidak wajar atau salah di sisi undang-undang.

JANGAN MEMPROMOSI ATAU MENYOKONG

mana-mana amalan rasuah, dan jangan sesekali bersekongkol dalam perkara ini dengan mana-mana kakitangan RHB, rakan niaga RHB atau ejen, orang tengah, pihak-pihak ketiga yang lain.

JANGAN SEDIAKAN bayaran kemudahan ('*facilitation payment*') untuk mempercepatkan perkara atau memotong barisan bagi memproses permohonan anda dengan pelbagai agensi kerajaan, syarikat utiliti, majlis daerah, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya.

Hadiah dan Layanan

Kumpulan Perbankan RHB telah membangunkan Garis Panduan Hadiah & Layanan sebagai panduan kepada Kakitangannya mengenai proses yang perlu diikuti apabila melibatkan hadiah dan layanan, khususnya perkara-perkara yang perlu dilakukan apabila memberi atau menerima hadiah dan layanan, termasuk hiburan perniagaan semasa melaksanakan tugas-tugas perniagaan harian kita.

Sebagai suatu peraturan am, Kakitangan hendaklah tidak **menawar** atau **menerima** hadiah atau layanan jika ia akan memberi **pengaruh** atau **kelihatan seperti mempengaruhi** sesuatu keputusan perniagaan, mewujudkan keadaan konflik berkepentingan atau jika hadiah atau layanan tersebut termasuk di dalam senarai yang terlarang.

Hadiah dan layanan secara umumnya adalah dibenarkan di dalam situasi di bawah:

- ✓ Hadiah dengan nilai indikatif sehingga **RM500** atau **seumpamanya**.
- ✓ Layanan atau acara korporat dengan nilai indikatif sehingga **RM500** atau **seumpamanya**.
- ✓ Hiburan perniagaan ditawarkan kepada rakan niaga Kumpulan dengan nilai sehingga **RM3,000** atau **seumpamanya**.
- ✓ Hadiah korporat yang biasa dengan logo syarikat seperti pen, diari, buku, calendar, cawan, payung dan baju-T.

Bagi hadiah dan layanan dengan nilai melebihi had yang telah ditetapkan, kakitangan tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan daripada pengurusan kanan yang berkenaan (seperti yang tertakluk di bawah Garis Panduan Hadiah & Layanan Kumpulan) dan **memastikan pematuhan** terhadap kod, garis panduan, matriks kuasa meluluskan, terma dan syarat pekerjaan, dan manual operasi Kumpulan yang berkaitan.

LAKUKANLAH

ISYTIHAR DAN DAPATKAN KELULUSAN

untuk mana-mana hadiah atau layanan yang ditawarkan kepada atau diterima oleh kita jika nilai indikatifnya melebihi had yang dibenarkan oleh kod, polisi dan garis panduan Kumpulan.

JANGAN LAKUKAN

JANGAN MEMINTA ATAU BERTANYAKAN

untuk apa-apa hadiah, layanan atau perkhidmatan lain yang menguntungkan daripada rakan-rakan niaga kita.

JANGAN TAWARKAN ATAU MENERIMA

apa-apa hadiah dan layanan kepada/daripada rakan-rakan niaga khususnya sewaktu masa kritikal seperti pemberian tender, permohonan pinjaman dan situasi serupa yang lain.

LAKUKANLAH

SIMPAN dokumen lengkap bagi permohonan yang dibuat (iaitu borang kelulusan) bagi tujuan penyimpanan rekod dan audit, termasuk urusan menfail, menyimpan, memegang dan melupuskan dokumen/rekod staf yang sewajarnya.

JANGAN LAKUKAN

JANGAN MELETAKKAN diri kita sendiri di dalam keadaan yang serba salah sehingga jikalau perbuatan kita menerima atau memberikan hadiah dan layanan berkenaan tersiar atau dilaporkan di dalam media massa (termasuk media sosial) akan membuatkan kita atau syarikat hilang reputasi dan kredibiliti.

JANGAN MENERIMA apa-apa hadiah yang dihantar secara terus ke rumah kita atau diposkan ke alamat rumah kita (dan juga sebaliknya).

Lima (5) soalan yang perlu dipertimbangkan sebelum menerima/memberi hadiah & layanan:

1. Apakah **tujuan** hadiah atau layanan tersebut diberikan?
2. Adakah hadiah atau layanan yang diberikan **konsisten** dengan polisi dan garis panduan dalaman RHB?
3. Adakah hadiah atau layanan tersebut diberikan **secara sukarela** atau **berdasarkan permintaan**?
4. Adakah hadiah atau layanan tersebut **diberikan secara bersyarat** setelah menerima imbuhan seperti projek, perniagaan atau lain-lain?
5. Sudahkan **kelulusan diterima** daripada pihak terbabit yang mempunyai kuasa, sebelum menerima/memberi hadiah atau layanan tersebut jikalau nilainya melepasi had yang dibenarkan?

Bilamana terdapat sebarang konflik berkepentingan, tanyakan diri anda empat (4) soalan berikut:

- i. Adakah saya meminta hadiah dan layanan tersebut?
- ii. Adakah saya kerap menerima hadiah dan layanan atau tawaran daripada sumber yang sama?
- iii. Adakah menerimanya akan menyalahi apa-apa undang bertulis ataupun dasar, peraturan dan aturan Kumpulan?
- iv. Adakah pelanggan sedang cuba mempengaruhi atau memberi ganjaran kepada saya berhubung dengan sebarang keputusan perniagaan atau transaksi tertentu?

Jika jawapan kepada mana-mana soalan di atas ialah **"YA"**, anda tidak sepatutnya menerima hadiah dan layanan tersebut. Jika sekiranya jawapan kepada keempat-empat soalan tersebut ialah **"TIDAK"** dan anda berhajat untuk menerima hadiah dan layanan tersebut, anda hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan sebelum menerimanya.

Penajaan dan Sumbangan Korporat

Apakah **penajaan korporat**?

Ia adalah sebuah bentuk sumbangan yang dibuat oleh Kumpulan kepada sesebuah organisasi/syarikat melalui penajaan (sebahagian/penuh) sesebuah acara atau projek dalam bentuk pemasaran, penjenamaan dan untuk membina atau memelihara hubungan perniagaan dengan pelanggan sedia ada atau berpotensi. Penajaan korporat hendaklah bertujuan untuk menambah baik nilai jenama Kumpulan sebagai sebuah organisasi komersial, mempromosikan produk dan perkhidmatan serta memantapkan lagi hubungan perniagaan

Apakah **sumbangan korporat**?

Ia adalah suatu sumbangan sukarela dalam bentuk wang atau bukan wang kepada organisasi amal yang ditubuhkan secara sah dari segi undang-undang, sama ada mempunyai hubungan perniagaan ataupun tidak dengan RHB, secara langsung atau tidak langsung, serta tiada manfaat atau perkhidmatan balas diharapkan atau dibuat, dan tujuannya adalah selari dengan teras Penglibatan Komuniti/Tanggungjawab Korporat Kumpulan.

Apakah bentuk-bentuk **sumbangan politik**?

Ia terdiri daripada suatu perbelanjaan, tunai ataupun seumpamanya, yang dibuat secara langsung atau tidak kepada sebuah parti politik ataupun cawangan tempatannya, pegawainya yang terpilih ataupun calon-calon politik.

Kumpulan Perbankan RHB dan kakitangannya adalah **DILARANG** membuat sumbangan politik untuk atau bagi pihak Kumpulan.

Organisasi Yang Tidak Layak (tidak terhad) termasuk seperti berikut:

- i. Organisasi politik atau berpenganut.
- ii. Organisasi keagamaan kecuali yang terlibat di dalam aktiviti atau projek yang signifikan dan mampu memberi manfaat kepada keseluruhan komuniti atau sebahagian segmen daripada komuniti berkenaan.
- iii. Organisasi yang mendiskriminasi berdasarkan kepada bangsa, gender atau agama.

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan adalah seperti berikut:

1. Yang memudaratkan kesihatan atau keselamatan orang awam;
2. Mempromosikan atau menggalakkan cara hidup yang tidak sihat seperti merokok, alkohol atau apa-apa penyalahgunaan bahan terlarang;
3. Mungkin akan bersaing dengan projek atau acara sedia ada Kumpulan;
4. Besar kemungkinan akan mewujudkan konflik berkepentingan dengan dasar Kerajaan;
5. Berkemungkinan akan menyebabkan tersebarnyanya kontroversi awam;
6. Boleh menyebabkan RHB menyokong barangan atau perkhidmatan pihak yang meminta melainkan itulah objektif penajaan korporat berkenaan; dan
7. Acara-acara yang diadakan oleh parti-parti politik dan/atau aktiviti-aktiviti yang menyokong agenda politik.

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila menilai pernohonan untuk sesuatu penajaan korporat:

- ✓ Jenis hubungan dengan pihak yang meminta – tempoh atau skala masa hubungan perniagaan dan juga produk dan perkhidmatan perbankan yang ditawarkan atau dimiliki oleh pihak yang meminta.
- ✓ Tujuan dan Nilai yang dikehendaki daripada penajaan korporat, dari segi penonjolan jenama dan peluang perniagaan.
- ✓ Mesti bukan dibuat untuk mendapat kelebihan perniagaan secara tidak wajar.

LAKUKANLAH

ELAKKAN hadiah, layanan, derma atau penajaan yang diterima melalui orang tengah.

JANGAN LAKUKAN

JANGAN MEMBUAT pembayaran tanpa apa-apa dokumen sokongan (seperti kontrak, inbois, justifikasi yang sah bagi pembayaran) atau bagi tujuan yang tidak tercatat di dalam dokumen sokongan berkenaan.

Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan

Kumpulan Perbankan RHB sebagai salah satu penjaga dana awam menegaskan kepentingan integriti dan tatalaku profesional di kalangan kakitangannya, terutamanya apabila mengurus dan menjalankan operasi di dalam industri perkhidmatan kewangan. Prinsip dan standard etika utama yang tertanam di dalam Kod Etika & Tatalaku Kumpulan untuk Kakitangannya (“Kod Etika”) adalah berdasarkan amalan terbaik dan tadbir urus enterpris yang baik, dengan matlamat untuk memberi piawaian tertinggi kepada pemegang-pemegang taruhnya dari segi keyakinan, rasa hormat dan kebolehpercayaan yang menjadi tunjang utama di dalam operasi perniagaannya.

LAKUKANLAH

ELAKKAN konflik berkepentingan atau berpotensi, di antara kepentingan Kumpulan dan peribadi, pemegang-pemegang sahamnya ataupun pelanggannya.

LAPOR apa-apa maklumat atau pengetahuan mengenai tatalaku perniagaan yang tidak beretika dan kegiatan jenayah yang disyaki berlaku dengan segera.

KAWAL dan **JAGA** sebaiknya aset dan hartanah Kumpulan.

SIMPAN ‘Bahan Bukan Awam’ (*Material Non-Public*) dan ‘Maklumat Sensitif Harga’ (*Price Sensitive Information*) secara rahsia dan selamat.

ELAKKAN penyalahgunaan ‘Bahan Bukan Awam’ dan ‘Maklumat Sensitif Harga’ yang berkaitan dengan sekuriti atau instrumen kewangan yang lain.

PASTIKAN rekod-rekod yang relevan lengkap dan sah.

ELAK penyalahgunaan jawatan atau kuasa.

CEGAH dan **BASMILAH** gangguan seksual di tempat kerja.

JANGAN LAKUKAN

JANGAN BERI KOMITMEN untuk apa-apa kelebihan, janji atau perbuatan sogokan dan rasuah yang lain dengan tujuan untuk mendapatkan manfaat syarikat atau peribadi.

JANGAN WUJUDKAN akaun ‘off-the-book’ atau menyembunyikan perbelanjaan bagi pembelian hadiah dan layanan yang diberikan kepada rakan niaga sedia ada atau berpotensi di dalam akaun ‘suspense’.

JANGAN MEMBUAT apa-apa entri palsu, mengelirukan atau memperdayakan di dalam buku/ rekod perakaunan syarikat.

JANGAN KEMUKAKAN tuntutan palsu untuk perniagaan yang melibatkan perbelanjaan lain yang tiada kaitan. Ini termasuklah mengemukakan surat/sijil sakit yang palsu atau inbois/baucer bayaran yang melambung (terlebih angka).

Semua kakitangan Kumpulan Perbankan RHB adalah diminta untuk **membaca, memahami, mematuhi dan mempraktis kehendak-kehendak Kod Etika yang berkaitan.**

Konflik Berkepentingan

Percanggahan konflik berlaku apabila mana-mana kepentingan peribadi atau 'signifikan' yang dimiliki atau mungkin dimiliki oleh seseorang pegawai RHB mampu berpotensi atau mungkin kelihatan akan menggagalkannya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya secara utuh dan objektif ketika mewakili Kumpulan Perbankan RHB. Perkara yang sama juga relevan untuk mana-mana rakan niaga RHB apabila mengusahakan atau memperolehi perkhidmatan untuk RHB. Dilema ini berlaku terutamanya apabila kepentingan, pertimbangan atau hubungan peribadi bercampur tangan dengan keputusan perniagaan. Perkara-perkara ini mungkin melibatkan hubungan dengan Kakitangan dan Rakan Niaga sedia ada atau prospek, termasuklah para pelanggan, ejen dan pembekal.

Semua kakitangan adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan apa-apa konflik berkepentingan bagi memastikan mereka tidak tertakluk kepada tindakan disiplin. Semua rakan niaga RHB juga perlulah mengisytiharkan apa-apa konflik berkepentingan apabila memasuki bidaan atau memperoleh projek dengan RHB, sekiranya gagal, bakal memberikan kesan yang tidak baik bagi hubungan atau urusan perniagaan seterusnya dengan RHB. Konflik berkepentingan yang selalu berlaku di mana-mana organisasi adalah seperti berikut:

1. Mempunyai transaksi perniagaan dengan pihak yang bersaling kait seperti anggota keluarga dan sekutu-sekutu tetapi tidak mengisytiharkan hubungan tersebut.
2. Memegang jawatan-jawatan seperti pemegang saham/pengarah di dalam organisasi-organisasi luar tanpa pengisytiharan mahupun mendapat kelulusan awal.
3. Menyelia proses perolehan atau kelulusan bagi projek-projek yang melibatkan sekutu-sekutu, anggota keluarga dan kawan rapat yang diketahui.
4. Condong menyukai penyedia perkhidmatan atau rakan niaga yang tertentu semasa proses perolehan disebabkan faktor hubungan peribadi semata-mata.
5. Mempunyai pasangan sendiri yang bekerja dengan penyedia perkhidmatan/vendor/pembekal yang kita sendiri mempunyai kuasa dan penyeliaan terhadapnya.

Sentiasa tanyakan diri kita:

- i. Adakah hubungan kita mempengaruhi keputusan yang kita buat?
- ii. Adakah ini boleh dilihat sebagai perkara negatif oleh orang lain?
- iii. Adakah kita akan memberi kualiti perkhidmatan yang berbeza kepada orang lain?

LAKUKANLAH

BERUNDING dengan penyelia atau pegawai Kumpulan Perbankan RHB yang berkaitan apabila kita terlibat di dalam situasi konflik berkepentingan ataupun apabila kita ragu sama ada tindakan kita atau sebaliknya akan menyebabkan berlakunya perbuatan sogokan ataupun amalan rasuah.

Jika kita menjawab "YA" kepada mana-mana soalan di atas, kita pasti sedang menjejaskan integriti diri kita sendiri dan juga RHB.

Pemberian Maklumat (“Speak-Up”)

Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan mempunyai mekanisme pelaporan yang sesuai (iaitu meletakkan standard minimum untuk dipatuhi oleh setiap entiti RHB di dalam Kumpulan) apabila berurusan dengan pendedahan tindakan yang boleh dipersoalkan ataupun kesalahan oleh mana-mana kakitangan, rakan niaga dan sekutu Kumpulan.

Apakah Pemberian Maklumat?

Pemberian Maklumat ialah pendedahan atau pelaporan sukarela secara sedar mengenai amalan penyelewengan seseorang individu atau organisasi yang dibuat oleh seseorang yang memiliki akses keistimewaan kepada data, acara atau maklumat mengenai sesuatu kesalahan atau perbuatan tidak bermoral yang sebenar, disyaki ataupun dijangka.

Saluran-saluran pemberian maklumat bagi Kumpulan Perbankan RHB, sama ada bagi pihak dalaman ataupun luaran, bagi membolehkan mereka bersuara dan memberi maklumat secara terus, adalah melalui emel yang khusus iaitu speakup@rhbgroup.com, dan boleh juga disalurkan kepada penerima-penerima maklumat lain seperti yang telah ditetapkan.

Semua perihal pemberian maklumat akan diurus dan dipantau oleh pasukan Integriti & Governans Kumpulan, yang akan diselia oleh Ketua Pegawai Integriti & Governans yang akan melapor kepada Jawatankuasa Audit Lembaga pada setiap bulan. Kumpulan RHB menyediakan perlindungan kepada semua pemberi maklumat daripada sebarang tindakan balas yang mungkin. Pemberi Maklumat yang mendedahkan diri atau berkongsi tindakan pelaporan mereka di media sosial atau seumpamanya, atau kepada kakitangan lain, bukan hanya menjejaskan diri sendiri, bahkan juga penyiasatan, justeru perlindungan yang berhak dimilikinya akan ditarik secara automatik.

Untuk maklumat lanjut mengenai senarai penerima maklumat Kumpulan dan saluran penerimaan maklumat seperti yang telah ditetapkan, sila rujuk kepada Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan di laman sesawang, www.rhbgroup.com

LAKUKANLAH

LAPORKAN mana-mana tatalaku tidak beretika atau kesalahan yang berlaku, termasuk perbuatan sogokan dan amalan rasuah, menggunakan saluran pemberian maklumat yang sah iaitu kepada mana-mana penerima maklumat Kumpulan Perbankan RHB yang berkuasa, seperti yang telah ditetapkan.

Pasukan Integriti & Governans Kumpulan

Penubuhan Bahagian Integriti & Governans Kumpulan ("GIG") telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad pada 29hb. Januari 2020. Bahagian ini telah diberi kuasa untuk memperkukuhkan kawalan dalaman Kumpulan berkaitan pencegahan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan amalan-amalan penyelewengan yang lain. Peranan GIG dijalankan melalui empat (4) fungsi utama, iaitu:

- ✓ Pengurusan Maklumat
- ✓ Pengesanan dan Pengesahan
- ✓ Pengukuhan Integriti
- ✓ Tadbir Urus/Governans

Kakitangan-kakitangan, rakan-rakan niaga serta sekutu-sekutu RHB adalah digalakkan untuk menghubungi GIG sekiranya terdapat apa-apa persoalan ataupun pertanyaan mengenai anti-sogokan dan rasuah, integriti, etika perniagaan, tadbir urus korporat, pemberian maklumat, hadiah dan layanan.

Bagaimana anda boleh menghubungi kami?

Anda boleh menghubungi kami melalui emel: integrity.governance@rhbgroup.com

Pasukan GIG terdiri daripada:

En Azman Shah Md Yaman

azmanshah@rhbgroup.com

En Muzaffar Abd Rahim

muzaffar.rahim@rhbgroup.com

Mr Vinodth Ram Ramasamy

vinodth.ram.ramasamy@rhbgroup.com

Ms Melissa Vinosha Jayapragash

melissa.jayapragash@rhbgroup.com

Pn Maszura Majid

maszura.majid@rhbgroup.com

Group Integrity & Governance

Group Legal, Secretariat & Governance

Level 10, Tower One, RHB Centre

Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Email: integrity.governance@rhbgroup.com

Tel: 603-9280 2420

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Ketua-Ketua Jabatan, Integriti & Governans Kumpulan serta seluruh warga kerja RHB yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, di atas sumbangan, kesungguhan dan iltizam bagi mengumpul dan menghasilkan satu hentian setempat bagi semua sumber rujukan berkaitan integriti, anti-sogokan dan rasuah.

**For additional information or queries,
you may contact:**

***Untuk pertanyaan atau maklumat lanjut,
anda bolehlah menghubungi:***

Group Integrity & Governance
Group Legal, Secretariat & Governance
RHB Bank Berhad
Level 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel. : 603 9280 2420

E-mel : integrity.governance@rhbgroup.com